

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI**  
**[SETIAWANGSA]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah nilai gaji yang dikelaskan oleh pihak Kementerian sebagai miskin bandar dan berapakah jumlah penduduk di Kuala Lumpur yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan bandar ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengukuran kadar kemiskinan adalah berdasarkan pendapatan garis kemiskinan (PGK). PGK merupakan pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat. Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (PPPIR) 2014, PGK di bandar adalah sebanyak RM960 bagi saiz isi rumah seramai 4.2 orang. Sehubungan itu, isi rumah miskin bandar merujuk kepada isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM960 iaitu sebanyak 0.1 peratus atau 400 isi rumah di Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.